

Muka Surat: 3

100 koperasi di bawah ANGKASA sedia serta ternakan ayam

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira 100 koperasi di negara ini berpotensi untuk terbabit dalam ternakan ayam dengan 19 daripadanya bersedia untuk mengusahakannya bagi mencapai sasaran menghasilkan 30 juta ekor ayam dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, Angkatan Ko-

perasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyasarkan bekalan 2.5 juta ekor ayam dapat dihasilkan untuk pasaran berdasarkan satu koperasi membekal 5,000 ekor ayam sebulan.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata semua koperasi diminta bekerjasama dengan ANGKASA untuk terbabit secara serius dalam ternakan ayam supaya mem-

perkasakan lagi sumbangan gerakan koperasi terhadap kestabilan ekonomi rakyat dan negara.

"Ketika ini, keupayaan sebuah koperasi adalah menghasilkan kira-kira 5,000 ekor ayam dalam masa sebulan dan jika 100 koperasi menyertainya, kita menyasarkan 2.5 juta ekor ayam sebulan.

Nasional 5

Muka Surat: 5

ANGKASA lulus RM14.26j jalankan projek baharu


Dari Muka 3

"Kita yakin sasaran menambah bilangan koperasi ini dari semasa ke semasa ini tercapai, berikutan permintaan ayam ini memang tersedia dalam segmen pasaran kerana harga ayam adalah lebih rendah dari sumber protein lain seperti ikan dan daging," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan ANGKASA akan mengusahakan tanaman jagung bijirin skala besar dalam usaha mengurangkan kebergantungan bekalan makanan import, khususnya kepada ternakan ayam.

Perdana Menteri juga berkata, NAFAS turut menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran 144 juta ekor ayam setahun, manakala 30 juta ekor lagi dieluarkan oleh ANGKASA.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, ketika ini projek rintis tanaman jagung berkeluasan 25 hektar sudah dijalankan oleh ANGKASA di Ladang Hosba, Pendang, Kedah dengan menghasilkan 240 tan jagung bijirin



Pelbagai strategi dirancang NAFAS dan ANGKASA bagi meningkatkan pengeluaran serta memenuhi permintaan ayam di pasaran.

Kita juga sudah mengenal pasti 4,000 hektar tanah di seluruh negara untuk dimajukan sebagai projek penanaman jagung bijirin dan ada antara tanah itu milik koperasi.

Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA



untuk empat kali hasil tuaian.

Selain itu, kita juga sudah mengenal pasti 4,000 hektar tanah di seluruh negara untuk dimajukan sebagai projek penanaman jagung bijirin dan ada antara tanah itu milik koperasi.

"Kita akan memulakan projek penanaman ini di bawah Program Pemerksaan Koperasi (CEP) ANGKASA dan selepas ia kukuh, kita akan menyerahkannya kepada koperasi yang mempunyai kekuatan untuk mene-

ruskannya," katanya.

Setakat ini, ANGKASA sudah meluluskan peruntukan RM14.26 juta bagi menjalankan projek baharu, termasuk penanaman jagung bijirin.

Abdul Fattah berkata, sampai masanya koperasi meluaskan lagi jaringan perniagaannya dan tidak hanya terbabit dalam sektor pembekalan sahaja.

"Koperasi perlu rebut peluang dalam semua peringkat iaitu pembiakan, penyediaan makanan melalui penanaman jagung

bijirin, penyediaan reban, logistik dan rantaian pembekalan sehingga kepada pengguna.

"Justeru, pengeluaran jagung bijirin ini juga penting kerana ia adalah salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada harga ayam yang kian meningkat pada ketika ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengurus Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob, berkata tanah seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu dikenal pasti berpotensi

dimajukan bagi tanaman jagung bijirin berskala besar.

Beliau berkata, semua tanah berkenaan adalah milik penguasa tanaman tembakau dan tanah itu didapati sesuai untuk tanaman jagung.

"Perbincangan pertama dengan pemilik tanah dilakukan baru-baru ini dan mereka ber-setuju. Bagaimanapun, perbincangan seterusnya akan dilakukan lagi untuk merealisasikan hasrat penanaman jagung bijirin itu," katanya.